

Perlu berintegriti, jujur - PM

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 2 OGOS

TUN Dr. Mahathir Mohamad mengulangi peringatannya bahawa untuk menjadi seorang pemimpin, kriteria utama yang perlu ada adalah berintegriti dan jujur.

Di hadapan lebih 1,000 pemimpin pelajar antarabangsa, Perdana

Menteri berkata, tanpa dua aspek penting itu, pemimpin mudah terjebak dalam kancah rasuah dan tidak boleh dipercayai.

"Pertama sekali, seseorang pemimpin itu perlu mempunyai integriti dan kejujuran, jika tidak, pemimpin terbabit akan menjadi korup dan tidak boleh dipercayai.

"Seterusnya, pemimpin juga perlu bersedia untuk bekerja keras, bangga dengan tugas yang

dilakukan dan mereka mesti sentiasa dahagakan ilmu serta peka dengan perubahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Simposium Kepimpinan Cendekiawan Universiti Ke-10, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik dan timbalannya, Teo Nie Ching; Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari serta Setiausaha Agung Hal Ehwal Kemanusiaan

Asia, Kim Solomon.

Pada masa yang sama, Dr. Mahathir memberitahu, seseorang pemimpin sejati juga perlu sentiasa berpegang kepada nilai murni.

"Sememangnya, menjadi seorang pemimpin yang baik bukan hanya tentang menjadi bijak, sebaliknya perlu tahu dan mempunyai kebolehan untuk membezakan antara benar dan salah serta baik dan jahat," ujarnya.



DR. MAHATHIR MOHAMAD memotong kek selepas merasmikan Simposium Kepimpinan Cendekiawan Universiti Ke-10 di Shah Alam, Selangor, semalam. Turut hadir, Maszlee Malik (empat dari kiri) dan Kim Solomon (empat dari kanan). - BERNAMA